

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6803**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai pecahan kes yang disiasat dan didakwa di bawah Akta Hasutan mengikut tahun daripada tahun 2004 sehingga 2014. Kenapakah kenyataan Ketua Perkasa dan Isma yang banyak mengeluarkan kenyataan yang mencabuli hubungan di antara kaum dan agama tidak disiasat dan didakwa di bawah Akta Hasutan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Merujuk kepada pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Seputeh, rekod yang terdapat pada PDRM adalah dari tahun 2008 hingga 29 Mei 2014. Jumlah kes yang telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 berdasarkan tempoh tersebut adalah sebanyak 274 kes.

Tuan Yang diPertua

Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima sebanyak 43 laporan polis dan angka ini adalah termasuk satu laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Perkasa. Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Seputeh adalah tidak tepat kerana ISMA dan Perkasa ini tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak

PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Undang-undang sedia ada sudah mencukupi dalam menangani apa jua isu yang dibangkitkan yang cuba mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah.

Di dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengamalkan "*double standard*" dengan izin Yang Dipertua, di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang cuba menimbulkan ketengangan kaum dan agama di negara ini. Namun begitu, setiap siasatan oleh pihak Polis adalah berdasarkan kepada laporan polis. Manakala untuk pendakwaan pula akan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut terbukti benar-benar melanggar undang-undang sedia ada.

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dikecapi selama ini.